



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT MENGHISAP VAPE DALAM  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KLANG,  
MALAYSIA***

**SITI HAJAR BINTI RAZALI**

**FEM 2018 45**



**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT MENGHISAP VAPE DALAM  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KLANG,  
MALAYSIA**

**Oleh**

**SITI HAJAR BINTI RAZALI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Oktober 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu dengan nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

*Tesis ini didedikasikan kepada kedua ibu bapa saya, Encik Razali bin Abdullah dan Puan Asiah binti Palidin yang telah memberi banyak sokongan dan semangat sepanjang tempoh pengajian saya. Begitu juga kepada seluruh ahli keluarga dan rakan seperjuangan yang banyak memberi tunjuk ajar serta berkongsi pengalaman dalam membantu saya menyiapkan tesis ini*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT MENGHISAP VAPE DALAM  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

**SITI HAJAR BINTI RAZALI**

**Oktober 2018**

**Pengerusi : Hanina Halimatusaadiyah Hamsan, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti hubungan antara sikap, tahap pengetahuan, pengaruh persekitaran, persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape. Selain itu, kajian juga mencari faktor peramal yang signifikan terhadap niat menghisap vape dalam kalangan pelajar dan mengkaji fungsi moderator pada elemen jantina dan umur. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kuantitatif dengan kaedah survei. Kajian ini merupakan kajian korelasi yang melibatkan 400 respon daripada 10 buah sekolah menengah harian di Lembah Klang yang dipilih secara rawak. Terdapat 5 instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Attitude Towards Cigarette Smoking Scale*, *Knowledge About Cigarette Smoking Scale*, *Sweeden Health and Society Survey*, *Itemized Perceived Behavioral Control Statements* dan *Reason for First Use Scale*. Analisis kajian mendapati bahawa lebih separuh responden berada di tahap sederhana bagi sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape dan persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape. Namun, pelajar yang berniat menghisap vape memilih faktor ingin mencuba sebagai faktor utama. Pelajar yang bersikap positif terhadap vape pula didapati percaya vape adalah lebih selamat dan baik. Manakala tahap pengetahuan pelajar tentang fakta kandungan dan kesan vape masih rendah. Pelajar paling terdedah kepada iklan vape melalui media sosial dan pameran jualan serta perbuatan menghisap vape di dalam pengangkutan awam dan stesen bas. Aspek akses kepada vape dan mengawal diri daripada menyalahgunakan vape merupakan faktor utama bagi mereka yang mempunyai persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape yang tinggi. Selain itu, terdapat perbezaan mengikut jantina dan umur pada kesemua elemen kajian. Pelajar lelaki dan menengah bawah lebih cenderung mempunyai niat menghisap vape. Sikap positif terhadap vape juga tinggi dalam kalangan pelajar lelaki. Sebaliknya, pelajar perempuan dan menengah atas lebih berpengetahuan tentang vape. Pelajar menengah atas pula mempunyai tahap pengaruh persekitaran dan persepsi kawalan tingkah laku yang lebih tinggi. Dalam pada itu, kesemua elemen kajian mempunyai hubungan positif dengan niat menghisap vape kecuali pada tahap pengetahuan.

Analisis faktor peramal terhadap niat menghisap vape pula mendapati pelajar yang bersikap positif terhadap vape, berpengetahuan rendah tentang vape dan lelaki diramalkan mempunyai niat emnghisap vape yang tinggi. Manakala hanya jantina dikesan sebagai moderator pada hubungan pengaruh persekitaran berkaitan vape dengan niat menghisap vape. Kajian telah mengenalpasti beberapa implikasi dan mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan di masa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master Science

**FACTOR RELATED TO INTENTION TO VAPE AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN KLANG VALLEY, MALAYSIA**

Oleh

**SITI HAJAR BINTI RAZALI**

Oktober 2018

**Chairman : Hanina Halimatusaadiyah Hamsan, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

This study was carried out to determine the relationship between attitude, knowledge, environmental factors and perceived behavioral control with intention to vape among students in Klang Valley. The other objective was to investigate the difference of intention, attitude, knowledge, environmental factors and perceived behavioral control in terms of gender and age. Meanwhile, this research also aimed to identify significant predictor of intention to vape and moderation effect of gender and age. The survey technique was used to collect 400 responses from 10 secondary schools in Klang Valley. There were 5 instruments used in the study such as Attitude Towards Cigarette Smoking Scale, Knowledge About Cigarette Smoking Scale, Sweden Health and Society Survey, Itemized Perceived Behavioral Control Statements and Reason for First Use Scale. The results showed half of the respondents have moderate level of intention, attitude, knowledge, environmental factors and perceived behavior control. The main reason for those who had intention to vape was 'to try'. Meanwhile, respondents with positive attitude towards vape believed that vape is safer than common cigarettes. However, the result for knowledge showed that the respondents are lack of knowledge about vape particularly regarding the contents of vape. On the other hand, they were noted to have high exposure to the advertisements and sales through social media. The result also noted that those with high score of perceived behavioral control believed that they can get vape easily and control themselves from misusing it. Next, this study found that there was significant relationship between attitude, knowledge, environmental factors and perceived behavioral control with intention to vape. Otherwise, the regression analysis showed that attitude, knowledge and male were the main predictor of intention to vape. The analysis also identified that gender was the moderator that affects the relationship of environmental factors and intention to vape. Lastly, the study has listed several implications and suggestions were proposed for a better study in the future.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t yang Maha Berkuasa diatas kejayaan menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala puji hanyalah kepada Allah dan RasulNya. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala jasa dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan oleh para pensyarah terutamanya penyelia, Prof Madya Dr. Halina Halimatussaadiyah binti Hamsan dan penyelia bersama, Prof Dr. Norbaya binti Ahmad. Segala tunjuk ajar yang dicurahkan oleh mereka sangat berguna dan membantu dalam proses menyiapkan tesis ini. Dalam pada itu, ucapan terima kasih juga buat keluarga, rakan-rakan yang banyak memberi sokongan dan semangat dalam menempuh segala cabaran sepanjang proses pengajian ini. Hanya Allah s.w.t yang dapat membalas segala sumbangan kalian kepada saya selama ini. Harapan saya semoga hasil tesis ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan kepada para pelajar yang bakal menjalankan kajian di masa akan datang.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 Oktober 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Hajar binti Razali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Faktor yang Mempengaruhi Niat Menghisap Vape dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Lembah Klang, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak untuk dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Syuhaily binti Osman, PhD**

Pemsyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Ibrani Shahrinin bin Adam Assim, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Fatimah Zailly binti Ahmad Ramli, PhD**

Pemsyarah Kanan  
Universiti Utara Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Disember 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Hanina Halimatusaadiah binti Hamsan, PhD**

Profesor Madya  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nobaya binti Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain samada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama and No. Matrik: Siti Hajar binti Razali (GS44844)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiah binti Hamsan

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Nobaya binti Ahmad

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI RINGKASAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>
1.1	Latar belakang kajian 1
1.2	Pernyataan masalah 4
1.3	Persoalan kajian 8
1.4	Objektif kajian 8
1.5	Hipotesis 9
1.6	Kerangka teoritikal 11
1.7	Kerangka konseptual 14
1.8	Definisi terminologi 16
1.9	Limitasi kajian 18
1.10	Rumusan 19
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>
2.1	Pengenalan 20
2.2	Vape atau Rokok Elektronik 20
	2.2.1 Sejarah dan Perkembangan Vape 20
	2.2.2 Kandungan dan Kesan Vape 21
	2.2.3 Vape, Jantina dan Umur Pelajar 23
2.3	Niat Menghisap Vape 24
2.4	Sikap dan Niat Menghisap Vape 25
	2.4.1 Sikap Terhadap Vape 25
	2.4.2 Hubungan Sikap dengan Niat Menghisap Vape 26
2.5	Pengaruh Persekitaran dan Niat Menghisap Vape 26
	2.5.1 Pengaruh Persekitaran Berkaitan Vape 26
	2.5.2 Hubungan Pengaruh Persekitaran dengan Niat Menghisap Vape 28
2.6	Tahap Pengetahuan dan Niat 29
	2.6.1 Tahap Pengetahuan Tentang Vape 29
	30

	2.6.2 Hubungan Tahap Pengetahuan dengan Niat Menghisap Vape	
2.7	Persepsi Kawalan Tingkah Laku dan Niat	31
	2.7.1 Persepsi Kawalan Tingkah laku Menghisap Vape	31
	2.7.2 Hubungan Persepsi Kawalan Tingkah Laku dengan Niat Terhadap Vape	32
2.8	Rumusan	33
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Lokasi Kajian	34
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	35
	3.4.1 Populasi Kajian	35
	3.4.2 Sampel Kajian	36
3.5	Instrumentasi Kajian	40
	3.5.1 Maklumat Demografik	41
	3.5.2 Sikap dan Tahap Pengetahuan	41
	3.5.3 Pengaruh Persekitaran	42
	3.5.4 Persepsi Kawalan Tingkah laku dan Niat	42
3.6	Keshahan dan Kebolehpercayaan	44
3.7	Kajian Rintis	44
3.8	Pengumpulan Data	46
3.9	Analisis Data	47
	3.9.1 Statistik Diskriptif	47
	3.9.2 Statistik Inferensi	48
3.10	Rumusan	49
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Deskriptif	50
	4.2.1 Maklumat Demografik	50
	4.2.2 Sikap, Tahap Pengetahuan, Pengaruh Persekitaran, Persepsi Kawalan Tingkah Laku dan Niat Menghisap Vape	52
4.3	Analisis Inferensi	62
	4.3. 1 Perbezaan Sikap, Tahap Pengetahuan, Pengaruh Persekitaran, Persepsi Kawalan Tingkah Laku dan Niat Menghisap Vape mengikut Jantina dan Umur	63
	4.3.3 Faktor Peramal bagi Niat Menghisap Vape dalam Kalangan Pelajar	68
	4.3.4 Moderator bagi Hubungan Sikap, Tahap pengetahuan, Pengaruh persekitaran dan Persepsi kawalan tingkah laku dengan Niat menghisap vape	69
4.4	Rumusan	71

<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan Hasil Kajian	73
5.3	Kesimpulan	76
5.4	Implikasi Kajian	77
5.5	Cadangan Kajian	79
	<b>RUJUKAN</b>	82
	<b>LAMPIRAN</b>	89
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	105
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	106



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Jumlah sekolah menengah harian di Lembah Klang 2016	35
3.2	Bilangan responden kajian bagi setiap sekolah terpilih	38
3.3	Instrumen kajian	40
3.4	Soal selidik kajian	43
3.5	Ujian kebolehpercayaan instrumen kajian	45
3.6	Analisis statistik yang digunakan dalam kajian	48
4.1	Maklumat demografik responden	51
4.2	Skor niat menghisap vape dalam kalangan pelajar	53
4.3	Niat menghisap vape dalam kalangan pelajar	53
4.4	Skor sikap pelajar terhadap vape	55
4.5	Sikap pelajar terhadap vape	56
4.6	Skor tahap pengetahuan pelajar tentang vape	57
4.7	Tahap pengetahuan pelajar tentang vape	57
4.8	Skor pengaruh persekitaran berkaitan vape di sekeliling pelajar	59
4.9	Pengaruh persekitaran berkaitan vape di sekeliling pelajar	59
4.10	Skor persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape pelajar	61
4.11	Persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape pelajar (kemampuan)	61
4.12	Persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape pelajar (kuasa)	62
4.13	Perbezaan sikap,tahap pengetahuan,pengaruh persekitaran,persepsi kawalan tingkah laku dan niat menghisap vape berdasarkan jantina dan umur pelajar	65
4.14	Hubungan antara sikap,pengaruh persekitaran,tahap pengetahuan, persepsi kawalan tingkah laku dan niat	68
4.15	Analisis regresi berganda bagi niat menghisap vape dalam kalangan pelajar	69
4.16	Analisis moderator hubungan pengaruh persekitaran dengan niat menghisap vape pelajar	70



## SENARAI RAJAH

	<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1	Teori Tingkah laku Terencana	11
1.2	Model Tingkah laku Berintegrasi ( <i>Integrated Behavioral Model</i> )	12
1.3	Kerangka konseptual ‘faktor yang mempengaruhi niat menghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Lembah Klang	15
3.1	Proses pemilihan sampel sekolah menengah harian di Lembah Klang	39
3.2	Pembahagian tahap pembolehubah kajian	48
3.3	Klasifikasi niat menghisap vape	48
3.4	Klasifikasi sikap terhadap vape	49
3.5	Klasifikasi tahap pengetahuan tentang vape	49
3.6	Klasifikasi pengaruh persekitaran berkaitan vape	50
3.7	Klasifikasi persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape	50
3.8	Fungsi moderator pada hubungan	52
3.9	Hubungan pembolehubah dengan moderator	53

## SENARAI SINGKATAN

ATSDR	Agency for Toxic Substances and Disease Registry
ENDS	Electronic Nicotine Delivery System
FDA	Food and Drug Administration
GRAS	Generally Recognised as Safe
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
n	Saiz Sampel
N	Saiz Populasi
NYTS	National Youth Tobacco Survey
p	Tahap Signifikan
pp	pengaruh persekitaran
r	Nilai korelasi pekali Pearson
SP	sisihan piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
$\beta$	Nilai analisis regressi berganda

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar belakang kajian

Kajian mengenai penyalahgunaan bahan dalam kalangan pelajar daripada aspek psikologi telah dijalankan oleh beberapa pengkaji dahulu sejak 70an lagi. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penyalahgunaan dadah dan alcohol (contoh: Yancy, Phillipe dan Katherine (1972), Bjorn dan Erland (1977), Linda (1979), George, Douglas dan Rosalie (1980), Donovan dan Jessor (1983), Wesley (1987), Anna dan Costas (1991), Elaine (1995), William, Bernard dan Julia (1998), Anthony dan Rakan (2000) dan John, Audrey dan Lance (2000) ). Antara dapatan kajian-kajian tersebut, remaja mengambil dadah atau alcohol disebabkan perasaan ingin mencuba (Yancy Phillipe & Katherine.,1972), stress (Elaine, 1995), kurang didikan agama dan pengaruh penggunaan alcohol atau dadah oleh ibu bapa (Wesley, 1987). Kajian penyalahgunaan bahan di peringkat tempatan pula mendapati remaja menyalahguna bahan kerana kurang didikan agama (Khaidzir, Khairil, Hanina, 2010), dan kurang pengetahuan (Farah, 2013, Hanina, 2015).

Kini kajian penyalahgunaan bukan hanya merangkumi dadah dan alcohol, ia juga melibatkan bahan-bahan lain seperti rokok termasuk rokok elektronik, vape dan ubat-ubatan. Bermula tahun 2012, rokok elektronik atau vape sudah mula dipasarkan di United States (Sutfin, McCoy, Morrell, Hoepner, & Wolfson, 2013). Di Malaysia, rokok elektronik dan vape ini mula dikenali dan menjadi popular pada tahun 2015. Justeru itu, apakah sebenarnya yang dikatakan sebagai rokok elektronik dan vape?

Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) menakrifkan rokok elektronik sebagai peranti elektronik yang mengandungi nikotin. Vape pula dirujuk sebagai yang tidak mengandungi nikotin. Walaupun vape dikatakan sebagai alat pengganti rokok tembakau, namun ia memberikan lebih banyak kesan buruk kepada pengguna. Ini dibuktikan daripada dapatan kajian oleh England, Bunnell, Pechacek, Tong, dan MacAfee (2015) yang melaporkan bahawa vape menggalakkan seseorang untuk merokok rokok tembakau dan membuka ruang untuk penagihan nikotin. Kajian sains menunjukkan otak remaja lebih sensitif terhadap nikotin berbanding orang dewasa dan ini menyebabkan mereka lebih mudah mengalami ketagihan nikotin (England et al., 2015). Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (2015), juga menyatakan nikotin boleh merosakkan organ seperti paru-paru, jantung, kulit dan sebagainya. Akhbar tempatan, Utusan Malaysia (2015) turut melaporkan vape mengandungi bahan kimia merbahaya seperti *Propylene Glycol* yang boleh memberi kesan negatif seperti kulit kering, asma, angina ahmar dan masalah jantung.

Oleh kerana vape dapat memberi kesan yang lebih buruk terhadap kesihatan berbanding rokok biasa, maka beberapa negeri di Malaysia telah mengeluarkan undang-undang pengharaman vape seperti di Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah dan Melaka. Bagi golongan pelajar pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) telah mengeluarkan kenyataan bahawa menghisap vape adalah satu kesalahan dan dilarang di seluruh sekolah di Malaysia. Pelajar yang ditangkap boleh dikenakan tindakan merit sehingga gantung sekolah. Namun begitu masih ramai pelajar yang menghisap vape ini walaupun ia adalah satu kesalahan dan banyak kesan buruk vape telah didedahkan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong seseorang melakukan sesuatu. Begitu juga dengan tingkahlaku menghisap vape dalam kalangan pelajar. Kajian penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia di Malaysia oleh Hanina dan Mohd Dahalan (2015) menunjukkan antara punca belia menghisap vape adalah kerana mudah didapati, menggantikan tembakau dan nikotin dan nampak lebih bergaya. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa sikap ingin mencuba sesuatu yang baru mendorong remaja untuk melakukan apa sahaja tanpa memikirkan kesan perlakuan tersebut. Tambahan pula, belia dan remaja pada usia pelajar sekolah menengah iaitu 13 hingga 17 tahun berhadapan krisis atau konflik dalaman dalam mencari identiti yang ingin ditonjolkan. Hal ini selari dengan teori psikologi oleh Erik Erikson yang menyatakan peringkat perkembangan psikologi yang disebut sebagai 'identiti atau kekeliruan peranan' berlaku apabila seseorang remaja itu berusaha untuk mencari identiti dan peranannya dalam komuniti. Remaja akan mencari ruang dan peluang untuk mencipta identiti mereka agar sesuai dengan persekitaran atau komuniti (Erikson, Boeree, 2006).

Berdasarkan perspektif psikologi sosial, sesuatu tingkah laku adalah tingkah laku terencana kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Seseorang itu melakukan sesuatu kerana niat yang kuat terhadap tingkah laku itu. Niat ini dipandu oleh sikap positif terhadap tingkah laku dan persekitaran yang menerima tingkah laku sebagai norma. Kejayaan untuk melaksanakan niat bergantung kepada kuasa dan kemampuan individu ke atas tingkah laku tersebut (Fishben and Ajzen, 1975 ; Ajzen,1985). Oleh yang demikian, tingkah laku menghisap vape juga boleh dilaksanakan sekiranya pelajar didorong niat yang kuat untuk melakukannya. Niat yang kuat ini boleh dipandu oleh sikap yang positif terhadap vape, pengaruh persekitaran yang menggalakkan perbuatan menghisap vape, kemampuan mendapatkan vape dan kuasa dalam mengawal tingkah laku menghisap vape tersebut.

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah menggunakan teori tingkah laku terencana (TPB) ini bagi membuktikan bahawa tingkah laku itu didahului dengan niat yang dipengaruhi beberapa faktor. Contoh, kajian tingkah laku merokok oleh Hassandra, Vlachopoulos, Kosmidou, Hatzigeorgiadis, Goudas dan Theodorakis (2011), Ganley, Barbara dan Rosario (2013), Su dan Rakan (2015) yang menunjukkan bahawa kesemua elemen dalam TPB iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat merokok. Selain itu, kajian tingkah laku bersenam oleh Miller dan Miller (2010), de Brujin dan Rakan (2014) juga

melaporkan bahawa persepsi kawalan tingkah laku sangat mempengaruhi niat seseorang untuk bersenam manakala kajian oleh Gagnon dan Rakan (2013) menyatakan sikap dan persepsi kawalan tingkah laku merupakan elemen penting dalam mempengaruhi niat untuk tidak mengambil dadah dalam kalangan responden.

Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa elemen yang terdapat dalam TPB ini mempunyai pengaruh terhadap niat untuk melakukan sesuatu tingkah laku. Kini, teori ini telah dikembangkan dan ditambahbaik menjadi satu model yang dikenali sebagai *Integrated Behavioral Model* (IBM) yang menggabungkan beberapa elemen daripada pelbagai teori tingkah laku. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi niat menghisap vape dalam kalangan pelajar berpandukan kepada TPB dan IBM tersebut.

## 1.2 Pernyataan masalah

Statistik menunjukkan golongan pelajar adalah antara yang ramai menghisap vape. Kajian oleh National Youth Tobacco Survey (NYTS) di Amerika telah melaporkan jumlah pengguna vape meningkat dengan tinggi di antara 2011 hingga 2014 dalam kalangan pelajar gred 6 hingga 12 (Arrazola, Singh, Corey, et al., 2015). Kajian lain di California pula mendapati seramai 24.4 peratus pelajar sekolah menengah pernah menggunakan rokok elektronik. Manakala di Scotland, 16 peratus pelajar berumur 11 hingga 18 tahun pernah menggunakan vape (Scottish Government, 2015). Di Malaysia, kajian yang dijalankan pada 2012 dengan kerjasama beberapa pengkaji dari pelbagai negara melaporkan 19% rakyat Malaysia pernah menghisap vape (Gravelly, Fong, Cummings, Yan, Quah, Borland, Yong, Hitchman, McNeill, Hammond, Thrashen, Willemsen, Seo, Jiang, Cavalcante, Perez, Omar, Hammel, 2014). Satu kajian terbaru pada 2016 mendapati bahawa majoriti pengguna vape yang menjadi responden kajian adalah golongan belia dimana 39% adalah pelajar dan 36% pekerja. Para pengguna vape ini percaya bahawa ianya adalah alternatif untuk berhenti merokok, lebih selamat berbanding rokok, boleh digunakan di tempat awam dan lebih murah (Wong, Mohamad Shakir, Alias, Aghamohammadi, & Hoe, 2016).

Sementara itu, KKM pada tahun 2015 telah membuat kajian mengenai kandungan vape. Melalui kajian ini, bahan yang terdapat dalam vape iaitu nikotin telah diklasifikasikan sebagai Racun Kelas C di bawah Akta Racun 1952. Manakala bahan-bahan merbahaya lain seperti *propylene glycol*, *glycerin* dikenalpasti dapat memberi kesan iritasi kepada sistem badan dan boleh menyebabkan kematian sel. Berdasarkan kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ini, beberapa negeri di Malaysia telah mewartakan undang-undang pengharaman ke atas jualan vape seperti Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Kelantan dan Kedah (Wong et al., 2016). Sementara itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengharamkan penggunaan vape di seluruh sekolah dan institusi pendidikan di negara ini. Pelajar yang didapati menghisap vape di sekolah boleh dikenakan tindakan serius seperti gantung sekolah. Kesemua ini menunjukkan bahawa

vape mempunyai kesan buruk yang sama seperti rokok tembakau. Kesalahan menghisap vape juga dipandang serius sebagaimana kesalahan merokok.

Namun, vape ini telah ditonjolkan dan dipromosikan sebagai alternative yang lebih selamat untuk merokok. Misalnya kajian oleh Dawkins, Turner dan Robert (2013) yang menyatakan vape boleh menjadi terapi bagi mereka yang ingin berhenti merokok. Selain itu, vape juga turut dipromosikan dengan kehadiran pelbagai perisa menjadikan ianya nampak menarik dan tidak membahayakan (de Andrade, Angus, & Hastings, 2015). Harganya yang lebih murah pula menjadikan ianya mampu dimiliki oleh golongan pelajar (de Andrade et.al, 2015, Wong et.al, 2016). Dengan segala kelebihan yang dipamerkan pada vape ini, ianya boleh membawa kepada peningkatan bilangan pelajar yang menghisap vape. Hal ini seterusnya boleh membuka ruang ketagihan nikotin kepada pelajar memandangkan kajian menunjukkan otak remaja lebih bertindak terhadap nikotin berbanding otak dewasa. Bukan itu sahaja, pelajar yang menghisap vape juga lebih mudah untuk menghisap rokok tembakau pada masa akan datang (England, Bunnell, Pechacek, Tong dan MacAfee, 2015).

Dalam pada itu, terdapat juga kajian di luar negara yang menunjukkan perbezaan daripada sudut jantina dan umur dimana pelajar lelaki lebih ramai mencuba vape berbanding perempuan. Manakala penggunaan vape pula dilaporkan meningkat mengikut umur atau gred pelajar (Scottish Government, 2015). Kajian di California juga mempunyai dapatan kajian yang sama dimana pelajar lelaki di peringkat menengah atas merupakan yang paling ramai menghisap vape (Bostean, Trinidad, & McCarthy, 2015). Terdapat beberapa teori oleh para pengkaji terdahulu tentang perbezaan jantina dan umur dalam tingkah laku delinkuen. Misalnya Cloward dan Ohlin (1960) menyatakan lelaki lebih cenderung menghilangkan tekanan dengan melakukan tingkah laku delinkuen berbanding perempuan yang lebih cenderung mengalami kemurungan.

Menurut Turk (1969) pula, perempuan lebih dikawal oleh keluarga menyebabkan mereka kurang mendapat peluang untuk berkelakuan delinkuen. Berkenaan perbezaan umur, Agnew (2003) dan Greenberg (1977) menyatakan peringkat umur akhir remaja merupakan waktu yang sangat mencabar dan boleh membawa kepada kecenderungan tingkah laku delinkuen. Hirschi dan Gottfredson (1983) pula menyatakan pertambahan umur selari dengan pertambahan kekuatan fizikal dan tenaga yang mendorong seseorang untuk berkelakuan delinkuen. Di Malaysia, masih belum ada kajian tentang vape yang memberi fokus kepada perbezaan jantina dan umur.

Oleh yang demikian, pemahaman tentang apakah faktor yang mendorong pelajar menghisap vape adalah amat penting bagi mengatasi masalah ini. Menurut ahli psikologi sosial seperti Heider (1958) dan Lewin (1951), tingkah laku manusia adalah berarahkan matlamat atau *goal-directed*. Ajzen (1985) menyatakan bahawa tingkah laku manusia boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang dirancang untuk mencapai matlamat iaitu perlaksanaannya. Teori tingkah laku terencana oleh Fishben dan Ajzen (1975) pula



menyatakan niat mendahului sesuatu tingkah laku itu. Perspektif pengamal bahasa minda juga percaya bahawa setiap perlakuan manusia didorong oleh niat positif pelakunya. Islam juga telah menekankan tentang perihal niat sejak 1400 tahun yang lalu. Ini dapat dilihat pada sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud setiap perbuatan tergantung pada niatnya dan setiap orang akan dibalas berdasarkan apa yang diniatkan (Zahazan dan Muhammad, 2011). Justeru itu, ternyata bahawa niat merupakan pendorong utama dalam pelaksanaan sesuatu tingkah laku itu.

Berdasarkan teori tingkah laku terencana (TPB) oleh Fishben dan Ajzen, terdapat tiga elemen yang mempengaruhi niat seseorang untuk melakukan sesuatu. Tiga elemen tersebut ialah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Beberapa kajian terdahulu telah membuktikan teori tingkah laku terencana ini. Misalnya kajian merokok oleh Hassandra, Vlachopoulos, Kosmidou, Hatzigeorgiadis, Goudas dan Theodorakis (2011), Ganley, Barbara dan Rosario (2013), Su dan Rakan (2015) menunjukkan sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku mempunyai hubungan dengan niat merokok. Manakala kajian mengenai niat mengambil dadah oleh Gagnon, Helene, Cote, Jose, April, Nicole, Ann-Sophie, Tessier, Sebastien (2013) pula mendapati persepsi kawalan tingkah laku dan sikap merupakan elemen penting yang mempengaruhi niat.

Kemudian, teori ini telah dikembangkan dan diperkemas lagi dengan gabungan beberapa elemen lain yang diambil daripada pelbagai teori tingkah laku yang lain. Hasil gabungan kesemua elemen ini dengan TPB telah menghasilkan satu model yang dikenali sebagai *Integrated Behavioral Model* (IBM). Model ini dipercayai dapat menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi niat seseorang untuk melakukan sesuatu dengan lebih tepat (Yzer, Cappella, Fishbein, & Sayeed, 2004). Walau bagaimanapun, masih tiada lagi kajian berkaitan vape yang menggunakan teori dan model ini terutamanya dalam konteks remaja di Asia. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi niat menghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah berdasarkan TPB dan IBM ini.

### 1.3 Persoalan kajian

1. Apakah niat sebenar pelajar menghisap vape?
2. Apakah elemen TPB dan IBM yang mempengaruhi niat menghisap vape pelajar?
3. Adakah terdapat perbezaan dari segi jantina dan umur pelajar pada elemen TPB dan IBM ?
4. Apakah faktor peramal yang signifikan terhadap niat menghisap vape pelajar?
5. Adakah jantina dan umur pelajar bertindak sebagai moderator dalam kajian?

## **1.4 Objektif kajian**

Objektif kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus

### **1.4.1 Objektif umum**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape dan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah.

### **1.4.2 Objektif khusus**

Berikut adalah senarai objektif khusus :

1. Menenalpasti niat menghisap vape, sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape dan persepsi kawalan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah
2. Membandingkan niat menghisap vape, sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape dan persepsi kawalan tingkah laku berdasarkan jantina dan umur pelajar
3. Mengkaji hubungan antara sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape, persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape dalam kalangan pelajar
4. Menenalpasti faktor peramal yang signifikan terhadap niat menghisap vape dalam kalangan pelajar
5. Menenalpasti fungsi moderator pada jantina dan umur terhadap hubungan sikap, tahap pengetahuan, pengaruh persekitaran dan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape dalam kalangan pelajar

## **1.5 Hipotesis**

Sebanyak dua puluh tiga hipotesis telah dibentuk berdasarkan objektif kajian seperti berikut :



Objektif khusus 2 :

Membandingkan niat menghisap vape, sikap terhadap vape, tahap pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape, persepsi kawalan tingkah laku berdasarkan jantina dan umur pelajar.

H1 : Terdapat perbezaan signifikan antara sikap terhadap vape dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

H2 : Terdapat perbezaan signifikan antara sikap terhadap vape dalam kalangan pelajar menengah bawah dan menengah atas.

H3 : Terdapat perbezaan signifikan antara tahap pengetahuan tentang vape dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

H4 : Terdapat perbezaan signifikan antara tahap pengetahuan tentang vape dalam kalangan pelajar menengah bawah dan menengah atas.

H5 : Terdapat perbezaan signifikan antara pengaruh persekitaran dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

H6 : Terdapat perbezaan signifikan antara pengaruh persekitaran dalam kalangan pelajar menengah bawah dan menengah atas.

H7 : Terdapat perbezaan signifikan antara persepsi kawalan tingkah laku dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

H8 : Terdapat perbezaan signifikan antara persepsi kawalan tingkah laku dalam kalangan pelajar menengah bawah dan menengah atas.

H9 : Terdapat perbezaan signifikan antara niat menghisap vape dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

H10 : Terdapat perbezaan signifikan antara niat terhadap vape dalam kalangan pelajar menengah bawah dan menengah atas.

Objektif khusus 3 :

Mengkaji hubungan sikap terhadap vape, pengetahuan tentang vape, pengaruh persekitaran berkaitan vape dan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape dalam kalangan pelajar

H11 : Pelajar yang mempunyai sikap yang positif terhadap vape mempunyai niat menghisap vape yang tinggi.

- H12 : Pelajar dengan tahap pengetahuan tentang vape yang tinggi mempunyai niat menghisap vape yang rendah.
- H13 : Pelajar dengan pengaruh persekitaran yang tinggi mempunyai niat menghisap vape yang tinggi.
- H14 : Pelajar dengan persepsi kawalan tingkah laku menghisap vape yang tinggi mempunyai niat menghisap vape yang tinggi.

Objektif khusus 4 :

Mengenalpasti faktor peramal yang signifikan terhadap niat menghisap vape dalam kalangan pelajar

- H15 : Terdapat faktor peramal yang signifikan terhadap niat menghisap vape dalam kalangan pelajar

Objektif khusus 5 :

Mengenalpasti fungsi moderator pada jantina dan umur terhadap hubungan sikap, tahap pengetahuan, pengaruh persekitaran dan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape dalam kalangan pelajar

- H16 : Jantina menjadi moderator pada hubungan sikap dengan niat menghisap vape
- H17 : Semakin meningkat umur pelajar, semakin kuat hubungan sikap dengan niat menghisap vape
- H18 : Jantina menjadi moderator pada hubungan tahap pengetahuan dengan niat menghisap vape
- H19 : Semakin meningkat umur pelajar, semakin kuat hubungan tahap pengetahuan dengan niat menghisap vape
- H20 : Jantina menjadi moderator pada hubungan pengaruh persekitaran dengan niat menghisap vape
- H21 : Semakin meningkat umur pelajar, semakin kuat hubungan pengaruh persekitaran dengan niat menghisap vape


H22 : Jantina menjadi moderator pada hubungan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape

H23 : Semakin meningkat umur pelajar, semakin kuat hubungan persepsi kawalan tingkah laku dengan niat menghisap vape


## 1.6 Kerangka Teoritik

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Tingkah laku Terencana oleh Fishben dan Ajzen (1975) dan Model Tingkah laku Berintegrasi (*Integrated Behavioral Model*) oleh Fishben (2000)

### 1.6.1 Teori Tingkah laku Terencana & Model Tingkah laku Berintegrasi (*Integrated Behavioral Model*)



**Rajah 1.1 : Teori Tingkah laku Terencana**



**Rajah 1.2 : Model Tingkah laku Berintegrasi (*Integrated Behavioral Model, IBM*)**

Kajian ini memilih Teori Tingkah laku Terencana (TPB) seperti Rajah 1.1 bersama Model Tingkah laku Berintegrasi (IBM) seperti Rajah 1.2 sebagai teori kajian untuk menerangkan dengan jelas niat seseorang untuk melakukan sesuatu. Beberapa faktor atau elemen yang diketengahkan oleh TPB dan IBM dipercayai boleh mempengaruhi niat individu. Ini dibuktikan oleh beberapa kajian sebelum ini seperti kajian tentang niat merokok oleh Hassandra, Vlachopoulos, Kosmidou, Hatzigeorgiadis, Goudas dan Theodorakis (2011), Ganley, Barbara dan Rosario (2013), Su dan Rakan (2015) yang melaporkan kesemua elemen dalam TPB mempengaruhi niat merokok. Hasil kajian yang sama juga turut didapati oleh kajian tentang niat mengambil alkohol oleh Vezina-Im, Lydi-Ann, Godin dan Gaston (2011). Manakala kajian oleh Gagnon, Helene, Cote, Jose, April, Nicole, Ann-Sophie, Tessier, Sebastien (2013) pula melaporkan dua elemen penting dalam TPB mempengaruhi niat seseorang untuk mengambil dadah iaitu sikap dan persepsi kawalan tingkah laku. Bagi IBM pula, kajian oleh Yzer, Capella, Fishben, dan Sayyed (2004) menunjukkan persepsi risiko turut mempunyai pengaruh terhadap niat menggunakan dadah jenis *marijuana* dalam kalangan remaja.

Berdasarkan sejarah perkembangan teori psikologi, TPB merupakan kesinambungan daripada teori tindakan bersebab (TRA) (Ajzen & Fishbein, 1980; Fishbein & Ajzen, 1975). Dalam kedua-dua teori berikut, elemen utama yang diketengahkan adalah sesuatu tingkah laku itu didahului dengan niat untuk melakukannya. Niat dianggap seperti faktor pendorong atau motivasi kepada tingkah laku dan ia adalah indikasi kepada sejauh mana individu itu sanggup mencuba dan berusaha untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Teori tindakan bersebab menentang dua elemen penting yang


mempengaruhi niat iaitu sikap dan norma subjektif., Sikap merujuk kepada penilaian kognitif dan affektif terhadap tingkah laku manakala norma subjektif adalah persepsi terhadap penerimaan tingkah laku oleh orang-orang yang penting dalam kehidupan individu terbabit (Glanz, Rimer, & Viswanath, 2008).

Teori ini kemudian ditambahbaik dengan mengambil kira kekurangan elemen kawalan diri terhadap tingkah laku dalam mempengaruhi niat. Oleh yang demikian, TPB dikemukakan dengan penambahan elemen kawalan diri yang dikenali sebagai persepsi kawalan tingkah laku (Glanz et. al, 2008). Elemen ini mewakili dua komponen iaitu efikasi sendiri dan kawalan. Menurut Ajzen (2002), efikasi sendiri merujuk kepada sejauh mana tingkah laku itu mudah atau sukar untuk dilaksanakan manakala kawalan pula merujuk kepada sejauh mana tingkah laku itu dilaksanakan adalah bergantung kepada individu terbabit. Kemudian, TPB ini pula dikembangkan lagi dengan mengambil kira beberapa elemen daripada pelbagai teori tingkah laku yang lain. Gabungan kesemua elemen dengan TPB ini menghasilkan sebuah model yang dikenali sebagai *Integrated Behavioral Model* (IBM). Sebahagian elemen yang digabungkan dengan TPB ini dipercayai mempengaruhi niat secara tidak langsung. Contoh elemen-elemen tersebut adalah demografik, budaya, personaliti, mood, emosi, stereotaip, stigma, persepsi risiko, pendedahan media dan intervensi. Selain itu, IBM juga turut menambahbaik tiga elemen TPB iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Ketiga-tiga elemen ini diterjemahkan sebagai kepercayaan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.2 (Yzer et al., 2004).

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, aplikasi TPB dan IBM ini telah dibuktikan oleh beberapa kajian yang terdahulu. Kajian-kajian tersebut juga merupakan kajian yang melibatkan penyalahgunaan bahan seperti rokok, dadah dan alkohol. Oleh itu, penggunaan TPB bersama IBM adalah sesuai bagi kajian ini memandangkan ianya juga tergolong dalam kajian penyalahgunaan bahan.

## 1.7 Kerangka Konseptual

Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina berdasarkan teori kajian iaitu TPB dan IBM. Terdapat empat elemen yang ingin dikaji dalam konteks hubungan dengan niat menghisap vape. Tiga daripada empat elemen ini merupakan elemen daripada TPB dan IBM iaitu sikap, pengaruh persekitaran (norma subjektif dan pendedahan) dan persepsi kawalan tingkah laku. Manakala elemen tahap pengetahuan adalah elemen tambahan yang ingin dikaji berdasarkan rujukan pada beberapa kajian lepas. Antaranya seperti kajian di Malaysia, United States dan Kanada yang menunjukkan tahap pengetahuan tentang vape adalah rendah dalam kalangan mereka yang menghisap vape (Coleman et. al., 2016, Hammal & Finegan, 2016, Wong et. al, 2016). Tahap pengetahuan ini dinilai berdasarkan pelbagai fakta berkenaan vape meliputi sains dan undang-undang.



**Rajah 1.3 : Kerangka Konseptual Kajian**

Bagi tiga elemen lain yang diambil daripada TPB dan IBM, elemen sikap merujuk kepada penilaian pelajar terhadap perbuatan menghisap vape samada ianya adalah positif atau negatif. Ini selari dengan kajian di California, Scotland dan Kanada yang mendapati pelajar yang menghisap vape mempunyai sikap positif terhadapnya dengan merasakan vape lebih selamat berbanding rokok biasa (Sutfin, McCoy, Morell, Hoepner & Wolfson., 2015, de Andrade, Angus, & Hastings, 2015, Hammal & Finegan, 2016). Sementara itu, elemen pengaruh persekitaran pula menggabungkan dua komponen iaitu norma subjektif (TPB dan IBM) dan pendedahan media (IBM). Norma subjektif diterjemahkan sebagai pengaruh ibu bapa dan kenalan pelajar. Manakala pendedahan merujuk kepada pengaruh iklan dan perbuatan menghisap vape disekeliling pelajar. Hal ini berdasarkan kajian oleh Kinnunen, Jaana Maarit, Olila, Hanna, El-Amin, Salma El-Tayeb, Pere, Lasse Anteros, Lindfors, Pirjo Liisa, Rimpela, Arja Hannele (2014) melaporkan pengaruh ibu bapa mendorong niat menghisap vape pelajar di Finland. Manakala kajian di Romania dan Paris mendapati pangaruh rakan mendorong niat menghisap vape pelajar (Nădășan et al., 2016, Dautzenberg, Berlin, Tanguy, Rieu, & Birkui, 2015). Dalam pada itu, pengaruh iklan dan jualan vape dengan pelbagai perisa menjadi daya tarikan pada pelajar di Scotland untuk mencubanya (de Andrade et al., 2015). Seterusnya elemen persepsi kawalan tingkah laku pula merangkumi dua komponen iaitu kemampuan dan kuasa terhadap tingkah laku. Penilaian elemen ini merujuk pada bagaimana persepsi pelajar tentang kemampuan mereka untuk

mendapatkan vape dan kuasa yang mereka ada untuk mengawal tingkah laku menghisap vape tersebut. Ini dibuktikan dengan kajian oleh Miller dan Miller (2010), de Brujin dan Rakan (2014) pula melaporkan persepsi bahawa ada kemampuan untuk bersenam sangat mempengaruhi niat bersenam seseorang.

Akhir sekali, elemen jantina dan umur diletakkan sebagai moderator pada kerangka konseptual kajian. Kedua-dua elemen ini dikaji samada ianya boleh meningkatkan atau melemahkan hubungan-hubungan dalam kajian. Ini berikutan terdapat kajian yang menunjukkan perbezaan daripada sudut jantina dan umur dimana pelajar lelaki lebih ramai mencuba vape berbanding perempuan. Manakala penggunaan vape pula dilaporkan meningkat mengikut umur atau gred pelajar (Scottish Government, 2015). Kajian lain di California juga mempunyai dapatan kajian yang sama dimana pelajar lelaki di peringkat menengah atas merupakan yang paling ramai menghisap vape (Bostean et al., 2015). Justeru itu, selain mengkaji elemen-elemen yang mempengaruhi niat menghisap vape, kajian juga mengkaji fungsi elemen umur dan jantina sebagai moderator dan perbezaan semua elemen teori mengikut umur dan jantina.

## **1.8 Definisi Terminologi**

Definisi terminologi kajian ini terbahagi kepada definisi konseptual dan operasional.

### **1.8.1 Sikap terhadap vape**

**Definisi konseptual** : sikap adalah sejauh mana individu itu menilai sesuatu tingkah laku samada penilaiannya memihak atau tidak memihak kepada tingkah laku tersebut (Ajzen, 1991).

**Definisi operasional** : sikap adalah sikap responden terhadap vape dinilai berdasarkan skor terhadap skala yang diubahsuai daripada *Attitude Towards Cigarette Smoking Scale* (Lin, Wu, Lai, Shi, & Chu, 2010). Skala likert digunakan dalam penilaian dengan skor tertinggi adalah 5 dan terendah adalah 1.

### **1.8.2 Pengaruh persekitaran berkaitan vape**

**Definisi konseptual** : penerimaan orang penting di sekeliling terhadap tingkah laku menghisap vape (norma subjektif) (Ajzen, 1991) dan pendedahan media berkaitan vape (Fishben, 2000)



**Definisi operasional** : pengaruh persekitaran melibatkan pengaruh ahli keluarga dan kenalan yang menghisap vape serta pendedahan kepada iklan dan tingkah laku menghisap vape di sekeliling pelajar. Penilaian melalui skor pada beberapa soalan berdasarkan soal selidik kajian *Sweeden Health and Society Survey* oleh (Scottish government, 2015).

### 1.8.3 Persepsi kawalan tingkah laku

**Definisi konseptual** : persepsi kawalan tingkah laku adalah persepsi pelajar tentang sejauh mana tingkah laku menghisap vape itu mudah atau sukar untuk dilakukannya (Ajzen, 1991). Ia adalah persepsi pelajar terhadap sejauh mana tingkah laku itu berada di bawah kawalannya Mathieson's (1991).

**Definisi operasional** : persepsi kawalan tingkah laku adalah penilaian terhadap kemampuan dan kuasa pelajar terhadap tingkah laku menghisap vape berdasarkan skor terhadap skala yang diubah suai daripada *Itemized Perceived Behavioral Control Statements* (Miller & Miller, 2010).

### 1.8.4 Tahap pengetahuan tentang vape

**Definisi konseptual** : tahap pengetahuan adalah sejauh mana para pelajar tahu mengenai fakta-fakta tentang vape daripada sudut sains dan undang-undang.

**Definisi operasional** : tahap pengetahuan adalah pengetahuan responden tentang vape yang dinilai berdasarkan skor terhadap skala yang diubahsuai daripada *Knowledge About Cigarette Smoking Scale* (Lin et al., 2010). Setiap jawapan yang tepat akan mendapat skor 1. Markah skor keseluruhan adalah daripada 0 sehingga 11.

### 1.8.5 Niat menghisap vape

**Definisi konseptual** : niat adalah keputusan seseorang individu itu untuk mengerahkan usahanya bagi melaksanakan sesuatu tingkah laku (McMillan, Higgins, & Conner, 2005). Ia merujuk kepada tujuan sebenar mengapa para pelajar ingin menghisap vape.

**Definisi operasional** : niat adalah niat pelajar terhadap tingkah laku vaping yang diukur berdasarkan skor terhadap skala yang diubahsuai daripada *Reason for First Use Scale*



(Scottish government, 2015). Skala likert digunakan dalam penilaian dengan skor tertinggi adalah 5 dan terendah adalah 1.

## 1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Lembah Klang sahaja. Oleh itu, analisa atau keputusan kajian hanya mewakili golongan pelajar sekolah menengah harian di kawasan Lembah Klang sahaja. Hasil kajian ini tidak mewakili golongan pelajar di peringkat rendah, kolej atau universiti dan juga pelajar sekolah menengah di kawasan selain Lembah Klang. Analisis-analisis yang dilakukan dalam kajian pula hanya meliputi faktor-faktor yang terdapat dalam teori psikologi sosial yang dipilih iaitu teori tingkah laku terencana iaitu sikap, norma subjektif (pengaruh persekitaran) dan persepsi kawalan tingkah laku serta satu faktor tambahan iaitu tahap pengetahuan. Analisa kajian tidak merangkumi faktor lain yang berkaitan dengan vape atau teori psikologi sosial yang lain. Justeru itu, kajian ini hanya sesuai dijadikan rujukan bagi para pengkaji yang menggunakan teori yang sama.

Dalam pada itu, pengumpulan data kajian menggunakan kaedah *self administered* dimana responden perlu menjawab sendiri semua soalan kajian. Oleh yang demikian, ketepatan jawapan atau respon yang diberikan oleh responden adalah berada di luar kawalan penyelidik sekaligus menjadikan terdapat kemungkinan bahawa respon yang diberikan adalah tidak tepat atau *bias*. Kajian juga dilakukan dengan mengumpulkan data hanya sekali atau *cross-sectional*. Tiada pengumpulan data lanjutan atau susulan dilakukan untuk melihat sebarang perubahan kepada faktor-faktor yang dikaji dalam kajian. Oleh itu, kaedah pengumpulan data ini tidak memberikan lebih banyak masa dan penilaian kepada penyelidik untuk membuat kesimpulan kajian.

## 1.10 Rumusan

Bab ini dimulakan dengan latar belakang kajian yang membincangkan sejarah dan pengenalan kepada vape. Seterusnya pernyataan masalah diutarakan dengan menyatakan beberapa statistik mengenai penggunaan vape dan kesan-kesan buruk vape. Berdasarkan permasalahan ini, beberapa persoalan kajian mula ditimbul dan objektif serta hipotesis dibentuk bagi menjawab persoalan berikut. Bab ini diteruskan dengan kerangka teoritikal, kerangka konseptual, definisi terminologi dan limitasi kajian.

## RUJUKAN

- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behavior. In J. Kuhl & J. Beckmann (Eds.), *Action-control: From cognition to behavior* (pp. 1-39). Heidelberg: Springer.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Berg, C. J. (2015). Preferred flavors and reasons for e-cigarette use and discontinued use among never, current, and former smokers. *International Journal of Public Health*, 1–12. <https://doi.org/10.1007/s00038-015-0764-x>
- Berridge, V. (2014). The art of medicine: Electronic cigarettes and history. *The Lancet*, 383(9936), 2204–2205. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(14\)61074-6](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(14)61074-6)
- Bostean, G., Trinidad, D. R., & McCarthy, W. J. (2015). E-cigarette use among never-smoking California students. *American Journal of Public Health*, 105(12), 2423–2425. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2015.302899>
- Cantrell, F. L. (2014). Adverse effects of e-cigarette exposures. *Journal of Community Health*, 39(3), 614–616. <https://doi.org/10.1007/s10900-013-9807-5>
- Cheney, M., Gowin, M., & Wann, T. F. (2015). Marketing practices of vapor store owners. *American Journal of Public Health*, 105(6), e16–e21. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2015.302610>
- Coleman, B. N., Johnson, S. E., Tessman, G. K., Tworek, C., Alexander, J., Dickinson, D. M., ... Green, K. M. (2016). “It ’ s not smoke . It ’ s not tar . It ’ s not 4000 chemicals . Case closed ”: Exploring attitudes , beliefs , and perceived social norms of e-cigarette use among adult users, 159, 80–85.
- Dautzenberg, B., Berlin, I., Tanguy, M., Rieu, N., & Birkui, P. (2015). Factors associated with experimentation of electronic cigarettes among Parisian teenagers in 2013. *Tobacco Induced Diseases*, 1–6. <https://doi.org/10.1186/s12971-015-0065-4>
- Dawkins, L., Turner, J., Roberts, A., & Soar, K. (2013). “Vaping” profiles and preferences: An online survey of electronic cigarette users. *Addiction*, 108(6), 1115–1125. <https://doi.org/10.1111/add.12150>
- de Andrade, M., Angus, K., & Hastings, G. (2015). Teenage perceptions of electronic cigarettes in Scottish tobacco-education school interventions: co-production and innovative engagement through a pop-up radio project. *Perspectives in Public Health*, XX(X), 1–7. <https://doi.org/10.1177/1757913915612109>
- Duderstadt, K. G. (2015). E-Cigarettes: Youth and Trends in Vaping. *Journal of Pediatric Health Care*, 29(6), 555–557. <https://doi.org/10.1016/j.pedhc.2015.07.008>
- Fotiou, A., Kanavou, E., Stavrou, M., Richardson, C., & Kokkevi, A. (2015). Prevalence and correlates of electronic cigarette use among adolescents in Greece: A

- preliminary cross-sectional analysis of nationwide survey data. *Addictive Behaviors*, 51, 88–92. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2015.07.021>
- Gliem, J. A., & Gliem, R. R. (2003). Calculating , Interpreting , and Reporting Cronbach ' s Alpha Reliability Coefficient for Likert-Type Scales, (1992), 82–88.
- Hahn, J., Monakhova, Y. B., Hengen, J., Kohl-Himmelseher, M., Schüssler, J., Hahn, H., ... Lachenmeier, D. W. (2014). Electronic cigarettes: overview of chemical composition and exposure estimation. *Tobacco Induced Diseases*, 12(1), 23. <https://doi.org/10.1186/s12971-014-0023-6>
- Hammal, F., & Finegan, B. A. (2016). Exploring Attitudes of Children 12–17 Years of Age Toward Electronic Cigarettes. *Journal of Community Health*. <https://doi.org/10.1007/s10900-016-0178-6>
- Jacobs, M. (1997). From the first to the last ash: The history, economics & hazards of tobacco, 1(November 1992), 112.
- Jiang, N., Chen, J., Wang, M.-P., McGhee, S. M., Kwong, A. C. S., Lai, V. W. Y., & Lam, T. (2016). Electronic cigarette awareness and use among adults in Hong Kong. *Addictive Behaviors*, 52, 34–38. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1016/j.addbeh.2015.08.008>
- Kinnunen, J. M., Ollila, H., El-Amin, S. E.-T., Pere, L. A., Lindfors, P. L., & Rimpelä, A. H. (2014). Awareness and determinants of electronic cigarette use among Finnish adolescents in 2013: a population-based study. *Tobacco Control*, 1–8. <https://doi.org/10.1136/tobaccocontrol-2013-051512>
- Li, X., Mao, A. R., & Stanton, A. B. (2010). Parental , Behavioral , and Psychological Factors Associated with Cigarette Smoking among Secondary School Students in Nanjing , China, 308–317. <https://doi.org/10.1007/s10826-009-9299-1>
- Liana, L. (2009). Penggunaan MRA dengan Spss untuk Menguji Pengaruh Variabel Moderating terhadap Hubungan antara Variabel Independen dan Variabel Dependen, XIV(2), 90–97.
- Lin, Y. S., Wu, D. M., Lai, H. R., Shi, Z. P., & Chu, N. F. (2010). Influence of knowledge and attitudes on smoking habits among young military conscripts in Taiwan. *Journal of the Chinese Medical Association*, 73(8), 411–418. [https://doi.org/10.1016/S1726-4901\(10\)70089-7](https://doi.org/10.1016/S1726-4901(10)70089-7)
- McMillan, B., Higgins, A. R., & Conner, M. (2005). Using an extended theory of planned behaviour to understand smoking amongst schoolchildren. *Addiction Research & Theory*, 13(3), 293–306. <https://doi.org/10.1080/16066350500053679>
- Miller, W. C., & Miller, T. A. (2010). Attitudes of Overweight and Normal Weight Adults Regarding Exercise at a Health Club. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 42(1), 2–9. <https://doi.org/10.1016/j.jneb.2008.08.005>
- Nădășan, V., Foley, K. L., Pénczes, M., Paulik, E., Mihăicuță, Ș., Ábrám, Z., ... Urbán, R. (2016). Use of electronic cigarettes and alternative tobacco products among

- Romanian adolescents. *International Journal of Public Health*, (Durmowicz), 1–9. <https://doi.org/10.1007/s00038-015-0774-8>
- Rostam, K. (2006). Perkembangan Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat, Malaysia, *1*(1), 1–27.
- Shabani, J. (2017). The Importance of Gender as a Moderator for the Relationship between Emotional Intelligence and Mental Health of Adolescents, *7*(9), 142–148. <https://doi.org/10.5539/ass.v7n9p142>
- Sutfin, E. L., McCoy, T. P., Morrell, H. E. R., Hoepfner, B. B., & Wolfson, M. (2013). Electronic cigarette use by college students. *Drug and Alcohol Dependence*, *131*(3), 214–221. <https://doi.org/10.1016/j.drugalcdep.2013.05.001>
- Sutfin, E. L., Reboussin, B. A., Debinski, B., Wagoner, K. G., Spangler, J., & Wolfson, M. (2015). The impact of trying electronic cigarettes on cigarette smoking by college students: A prospective analysis. *American Journal of Public Health*, *105*(8), e83–e89. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2015.302707>
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach ' s alpha, 53–55. <https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd>
- Wong, L. P., Mohamad Shakir, S. M., Alias, H., Aghamohammadi, N., & Hoe, V. C. (2016). Reasons for Using Electronic Cigarettes and Intentions to Quit Among Electronic Cigarette Users in Malaysia. *Journal of Community Health*. <https://doi.org/10.1007/s10900-016-0196-4>
- Yzer, M. C., Cappella, J. N., Fishbein, M., & Sayeed, S. (2004). The Role of Distal Variables in Behavior Change : Effects of Adolescents ' Risk for Marijuana Use on Intention to Use Marijuana The Role of Distal Variables in Behavior Change : Effects of Adolescents ', *34*(January), 1229–1250.